

'Usah ganggu pelajar lain jika tidak minat belajar'

BH 30 JUL 2001

Oleh Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada kumpulan pelajar yang bukan saja tidak minat belajar malah mengganggu pelajar lain supaya tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

Perdana Menteri berkata, berkata sikap tidak minat belajar kumpulan kecil itu sebenarnya adalah masalah mereka tetapi yang malang ialah mereka mengganggu pelajar lain.

Beliau berkata, menuntut ilmu sepatutnya berlangsung dalam suasana tenang, bukannya dalam keadaan fikiran runsing atau huru-hara.

"Kalau ada mana-mana pihak sengaja mengusik fikiran dengan perkara yang menyebabkan pelajar tidak menumpukan pelajaran dan sebaliknya terlabit dalam kegiatan yang lain daripada pelajaran, tentu prestasi tidak akan menjadi baik," katanya ketika melancarkan Tabung Kebajikan Pelajar

Dr Mahathir kecewa kerana ada kumpulan pelajar yang bukan saja tidak minat belajar malah mengganggu pelajar lain supaya tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran

Kolej Tunku Khursiah (KTK) di Hotel Hilton di sini, malam ini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim; Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, adalah antara tetamu majlis itu.

Turut hadir, Ketua Pengerah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat; dan Presiden Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Datuk Seri Abd Rahman Maidin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mementingkan keadaan yang aman bagi membolehkan suasana menuntut ilmu berada dalam keadaan baik.

Beliau berkata, pengu-

saan ilmu amat penting kerana jika negara mundur dan rakyat tidak cekap, mustahil Malaysia akan mencapai kemajuan seperti sekarang.

Dr Mahathir percaya generasi dewasa mengetahui kepentingan menguasai ilmu, tetapi masih ada golongan muda tidak sedar mengenai tumpuan yang perlu diberikan terhadap ilmu pengetahuan.

Beliau berkata, sebelum bangsa Malaysia bersaing dengan bangsa lain di dunia ini dan oleh kerana rakyat negara ini berbilang kaum, persaingan juga berlaku antara kaum dalam negara.

"Di negara ini, tidak boleh ada satu kaum terlalu maju dan satu kaum lain

terlalu mundur kerana kaum yang ketinggalan akan iri hati dan menyebabkan negara tidak stabil," katanya.

Perdana Menteri juga mahu kemajuan dunia seimbang dengan kemajuan akhirat.

"Mungkin ada pihak yang kata kemajuan dunia tidak penting, tetapi jika kita maju di dunia, kita juga tidak akan maju di akhirat. Kita perlu maju di dunia untuk mengejar tempat di akhirat," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan gembira kerana rakyat terutama sektor

korporat sentiasa sedia berkongsi keuntungan dengan menghulurkan derma kepada golongan memerlukan.

Dr Mahathir berkata, setiap kali majlis pelancaran untuk pelbagai tabung dan projek, sentiasa ada penderma menghulurkan bantuan.

"Ini adalah hasil sikap penyayang di kalangan kita yang sentiasa prihatin dan mengambil berat nasib golongan masyarakat yang tidak bernasib baik," katanya.

Beliau berkata, masih ada rakyat berpendapatan rendah kurang RM500 yang

sudah tentu tidak mencukupi bagi membiayai pelajaran anak.

"Walaupun menyedari kepentingan pendidikan untuk membebaskan anak daripada belenggu kemiskinan tetapi keupayaan terhadap menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada pihak lain," katanya.

Sementara itu, Tabung Kebajikan Pelajar KTK yang ditubuhkan antara lain untuk membiayai pelajar miskin, mendapat sumbangan RM444,000 daripada pelbagai syarikat.

Antara penyumbang utama ialah Kolej Komuniti dan

Projek Lebu Raya Utara-Selatan (masing-masing RM100,000); MRCB dan Yayasan Arab Malaysian (masing-masing RM50,000).

Bank Rakyat (RM30,000), Southern Bank dan TA Securities (masing-masing RM20,000), Star Publication (RM18,000), Penang Shipbuilding, Public Bank dan Celcom Bhd (masing-masing RM10,000) serta Hong Leong Bank (RM6,000).

Telekom Malaysia Bhd, Yayasan Negeri Melaka, Design Practise Consultant dan Edaran Tan Chong Motors pula masing-masing RM5,000.